



15 JUN, 2026

## 70 peratus lalui perairan Indonesia

Berita Harian, Malaysia



### Pemasangan kabel tenaga dasar laut

# 70 peratus lalui perairan Indonesia

Kerajaan perlu dapat kelulusan negara jiran sebelum laksana kajian dasar laut

Oleh Mohd Roji Kawi  
mdroji@bh.com.my

**Kuching:** Kira-kira 60 hingga 70 peratus pemasangan laluan kabel tenaga dasar laut menghubungkan Sarawak dan Johor akan melalui perairan Indonesia, kata Datuk Seri Fadillah Yusof.

Timbalan Perdana Menteri berkata, keadaan itu memerlukan Malaysia mendapatkan kelulusan Indonesia terlebih dahulu sebelum kajian dasar laut dapat dilaksanakan.

Beliau berkata, surat permohonan sudah dihantar kepada pihak berkuasa Indonesia manakala kajian dasar laut hanya boleh dimulakan selepas kelulusan diberi.

"Selepas mendapat persetujuan, semua pihak berkaitan akan melaksanakan kajian dasar laut bagi menentukan laluan terbaik untuk pemasangan kabel berkenaan," katanya selepas majlis perasmian Surau Nurul Muslimin, Kampung Sungai Bedil Besar di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Abang Openg, baru-baru ini, bahawa ASEAN perlu mempunyai satu platform dan rangka kerja dipersetujui bersama oleh semua negara anggota bagi merealisasikan pelaksanaan Grid Tenaga ASEAN.

Ketika ini, ASEAN belum mempunyai kerangka pelaksanaan konkrit, khususnya berkaitan aspek sambungan rentas sempadan.

Mengulas lanjut, Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air berkata, usaha berkenaan giat dibincang pada peringkat kerajaan dengan kerajaan (G2G) dalam kalangan negara anggota ASEAN.

Beliau berkata, peranan menyelaraskan piawaian dan keperluan teknikal bagi perdagangan tenaga rentas sempadan dilaksanakan oleh ASEAN Centre for Energy (ACE) yang berpangkalan di Jakarta.

"ACE berperanan mengharmonikan semua standard yang berkaitan dengan bekalan tenaga rentas sempadan supaya pelaksanaan Grid ASEAN dapat dilaksanakan dengan lebih teratur



Fadillah merasmikan Surau Nurul Muslimin, Kampung Sungai Bedil Besar di Kuching, semalam. (Foto FB Datuk Seri Fadillah Yusof)

dan berkesan," katanya.

Beliau menegaskan, antara cabaran utama dihadapi ialah ada beberapa negara belum mempunyai keupayaan menaik taraf sistem grid masing-masing bagi memenuhi keperluan rangkaian tenaga serantau.

#### Pembangunan Grid ASEAN

Katanya, rangkaian sambungan tenaga antara Laos, Thailand, Malaysia dan Singapura sudah diwujudkan serta menjadi asas penting kepada pembangunan Grid ASEAN.

"Untuk grid di Semenanjung, Tenaga Nasional Berhad memberi komitmen sehingga 2028 untuk melabur kira-kira RM42 bilion ba-

gi menaik taraf grid tenaga.

"Pada peringkat Borneo, Sarawak sudah dihubungkan dengan Kalimantan Barat dan Sabah, manakala sambungan ke Brunei dijangka direalisasikan pada masa depan bagi membentuk Borneo Grid yang akan menghubungkan Sarawak, Sabah, Brunei dan Kalimantan sebelum disambungkan ke wilayah lain di Indonesia serta Filipina," katanya.

Beliau berkata, rangkaian itu akan disambung dari Kuching ke Johor melalui kabel dasar laut, dengan sebahagian bekalan disalurkan ke Singapura dan berpotensi diteruskan ke Batam, tertakluk kepada hasil kajian yang sedang dijalankan.